



### **Nota Pengarang:**

1. Akta Persaingan 2010 membenarkan satu perusahaan membuat Aku Janji mengikat secara sah tanpa keperluan untuk mencari sebarang pelanggaran oleh MyCC. MyCC mempunyai budi bicara sama ada untuk menerima Aku Janji tersebut dan akan mengambil beberapa faktor bagi pertimbangan sebagai penentu penerimaan Aku Janji tersebut.

2. Faktor-faktor ini termasuk, tetapi tidak dibataskan oleh, tahap pelanggaran; tahap kerjasama yang diterima daripada perusahaan dalam membantu MyCC dengan siasatannya dan sama ada menerima Aku Janji akan dengan efektifnya dapat menangani dengan berkesan isu persaingan. Kuasa Suruhanjaya menerima Aku Janji dinyatakan dalam seksyen 43 dalam Akta, seperti berikut:

*43. (1) Suruhanjaya boleh, tertakluk kepada syarat-syarat yang boleh dikenakan oleh Suruhanjaya, menerima daripada suatu perusahaan suatu aku janji untuk membuat atau menahan diri daripada membuat apa-apa jua yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya.*

*(2) Jika Suruhanjaya menerima aku janji di bawah subseksyen (1), Suruhanjaya hendaklah, berhubung dengan suatu pelanggaran, menutup penyiasatan itu tanpa membuat apa-apa dapatan pelanggaran dan tidak boleh mengenakan suatu penalti ke atas perusahaan itu.*

*(3) Mana-mana aku janji yang diterima oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini ialah suatu dokumen yang tersedia untuk diperiksa oleh orang awam mengikut cara yang ditentukan oleh Suruhanjaya.*

*(4) Peruntukan mana-mana aku janji yang diterima oleh Suruhanjaya di bawah seksyen ini hendaklah boleh dikuatkuasakan oleh Suruhanjaya seolah-olah peruntukan itu telah dinyatakan dalam suatu keputusan yang diberikan kepada perusahaan yang memberikan aku janji itu menurut seksyen 40.*



3. Perjanjian mendatar dan menegak yang dilarang:

*(1) Suatu perjanjian mendatar atau menegak antara perusahaan dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.*

*(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), suatu perjanjian mendatar antara perusahaan yang mempunyai matlamat untuk:*

*(a) menetapkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu harga belian atau jualan atau apa-apa syarat perdagangan yang lain;*

*(b) berkongsi pasaran atau punca berkaitan;*

*(c) membataskan atau mengawal;*

*(i) pengeluaran;*

*(ii) saluran keluar pasaran atau capaian pasaran;*

*(iii) pembangunan teknikal atau teknologi; atau*

*(iv) pelaburan; atau*

*(d) melakukan tipuan bida, disifatkan mempunyai matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.*

*(3) Mana-mana perusahaan yang merupakan suatu pihak kepada suatu perjanjian yang dilarang di bawah seksyen ini adalah bertanggungjawab bagi pelanggaran larangan itu.*